



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

Bil. 07 / 2021

PROSES PENAMAAN CALON PILIHAN RAYA UMUM DEWAN NEGERI JOHOR KE-15

1. Hari ini telah dijalankan proses penamaan calon bagi Pilihan Raya Umum (PRU) Dewan Negeri Johor Ke-15 di **56 Pusat Penamaan Calon (PPC)** seluruh Negeri Johor.
2. Selepas tempoh penamaan calon ditutup pada pukul **10.00 pagi**, seramai **239 calon** mewakili pelbagai parti disahkan bertanding dalam PRU Dewan Negeri Johor Ke-15.
3. SPR telah menerima dan mengesahkan sebanyak **239 Kertas Penamaan** yang layak bertanding bagi PRU Dewan Negeri Johor Ke-15 daripada pihak-pihak seperti berikut:

BIL.	PARTI	JUMLAH
1.	BARISAN NASIONAL (BN)	56
2.	PERIKATAN NASIONAL (PN)	56
3.	PAKATAN HARAPAN (PH)	30
4.	PARTI PEJUANG TANAH AIR (PEJUANG)	42
5.	PARTI KEADILAN RAKYAT (PKR)	20
6.	BEBAS	16
7.	IKATAN DEMOKRATIK MALAYSIA (MUDA)	7
8.	PARTI WARISAN SABAH (WARISAN)	6
9.	PARTI BANGSA MALAYSIA (PBM)	4
10.	PARTI BUMIPUTERA PERKASA MALAYSIA (PUTRA)	1
11.	PARTI SOSIALIS MALAYSIA (PSM)	1
JUMLAH		239

Nota

Tiada Pencalonan Yang Ditolak

4. **Pertandingan Mengikut Penjuru**

Secara keseluruhannya, **bilangan pertandingan mengikut penjuru** adalah seperti berikut:

BIL.	PENJURU	BILANGAN DUN
1.	3 penjuru	7
2.	4 penjuru	35
3.	5 penjuru	8
4.	6 penjuru	4
5.	7 penjuru	2

5. **Calon Yang Bertanding Mengikut Jantina**

Bilangan **calon yang bertanding mengikut jantina** adalah seperti berikut:

BIL	JANTINA	JUMLAH
1.	Lelaki	202
2.	Wanita	37

6. **Calon Yang Bertanding Berdasarkan Umur**

(i) Bilangan **calon yang bertanding berdasarkan julat umur** adalah seperti berikut:

BIL	JULAT UMUR	BILANGAN CALON
1.	18 - 29	8
2.	30 - 39	52
3.	40 - 49	72
4.	50 - 59	64
5.	≥ 60	43

- (ii) Umur **calon tertua dan calon termuda** yang bertanding adalah seperti berikut:

BIL.	KATEGORI	UMUR CALON
1.	Umur Calon Tertua DUN N.50 Bukit Permai (Perikatan Nasional)	71 tahun
2.	Umur Calon Termuda a. DUN N.28 Mengkibol (Barisan Nasional) b. DUN N.10 Tangkak (Parti Pejuang Tanahair)	26 tahun

7. **Tempoh Rasmi Berkempen**

Tempoh berkempen bermula selepas pengisytiharan pilihan raya dipertandingkan oleh pegawai pengurus sehingga jam **11.59 malam, 11 Mac 2022.**

8. SPR telah menubuhkan **56 Pasukan Penguat Kuasa Kempen Pilihan Raya (PPKPR)** untuk memantau semua aktiviti calon bertanding ketika berkempen.

9. Calon-calon hendaklah membayar **deposit bahan kempen pilihan raya** serta tertakluk kepada undang-undang kecil mana-mana pihak berkuasa tempatan bagi tujuan **mempamer dan mengedarkan bahan kempen pilihan raya** yang mengandungi **gambar calon, lambang / simbol parti dan gambar pemimpin parti** yang diwakilinya .

10. Bahan kempen yang boleh digunakan seperti iklan, surat sebaran, pelekat dan poster **hendaklah mengandungi nama dan alamat pencetak dan penerbitnya KECUALI** bendera, poster simbol parti dan gambar pemimpin parti atau calon yang bertanding.

11. Bahan kempen yang mengandungi perkataan-perkataan yang boleh **mengembangkan perasaan jahat, berunsur perkauman dan menyentuh sensitiviti keagamaan atau hasutan yang boleh mendatangkan permusuhan** adalah **TIDAK DIBENARKAN.**

12. SPR juga ingin memaklumkan bahawa Prosedur Operasi Standard (SOP) Pencegahan COVID-19 bagi pelaksanaan PRU Dewan Negeri

Johor Ke-15 telah diluluskan akan **dilaksanakan dengan ketat di semua proses perjalanan pilihan raya** iaitu proses cetakan dan semakan kertas undi, pengeluaran dan pengiraan kertas undi pos, semakan isi peti undi, sepanjang tempoh berkempen, hari mengundi dan penjumlahan rasmi undi. Maklumat lanjut SOP berkenaan boleh diperolehi di portal **spr.gov.my**.

13. SPR juga berharap agar aktiviti berkempen yang dibenarkan akan berjalan dalam suasana yang penuh harmoni serta mengikut undang-undang dan peraturan-peraturan yang ditetapkan.
14. SPR merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada semua Pegawai Pengurus Pilihan Raya dan pasukan kerana telah menjalankan tanggungjawab dengan lancar pada hari ini.
15. Penghargaan dan terima kasih juga diucapkan kepada pihak Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor, Polis Diraja Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia, Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Peguam Negara, Jabatan Insolvency Malaysia, Pihak Berkuasa Tempatan, media dan semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung.

Sekian, terima kasih.

DATUK ABDUL GHANI SALLEH

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

26 Februari 2022 / 24 Rejab 1443H